

Chang Yong Sian raih pingat perak badminton Masum 2012

UB 26.04.2012 A14

LABUAN : Pemain Universiti Malaysia Sabah (UMS), Chang Yong Sian meraih pingat perak dalam Kejohanan Badminton Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Kuching, Sarawak pada 8 hingga 15 April lalu.

Di perlawanan akhir perseorangan wanita kategori individu, Chang tewas di tangan pemain Universiti Malaya (UM), Daphne Eng 5-21, 11-21. Walaupun tewas, Chang kini menduduki ranking kedua di belakang Daphne bagi MASUM.

Bagi acara perseorangan lelaki kategori individu, pemain UMS, Asry Abas memenangi pingat gangsa selepas mengalahkan Muhd. Aiman Husin (UTeM) 21-15, 21-17. Dengan kemenangan itu, Asry menduduki ranking ketiga MASUM.

Pasukan UMS gagal masuk pusingan separuh akhir selepas tewas di tangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 2-3 dalam acara

berpasukan walaupun UMS telah mendahului 2-0 melalui acara perseorangan lelaki dan wanita.

Dalam acara perseorangan lelaki kategori individu, Mohd Adzrie Rahiman mara ke pusingan ketiga manakala perseorangan wanita, Farahyana John hanya mampu mara ke pusingan kedua,

Tiga pasangan beregu, Mohd. Zulhusni Abdul Aziz / Muhd Naqiuddin (beregu lelaki),

Cheng Ruilin / Doreen Dayah (beregu wanita) dan Zainoh Janjam / Farahyana John (beregu campuran) berjaya masuk ke pusingan ketiga.

Turut mara ke pusingan kedua ialah pasangan beregu lelaki, Chuah Chun Lai / Liu Khai Hong, beregu wanita, Amy Voo Mei Mei / Norlaila Azura Kosni dan beregu campuran, Asry Abas dan Chang Yong Sian.

Pasukan UMS turut diwakili Zainoh Janjam, Chuah Chun Lai dan Muhd. Naqiuddin Elias manakala Jais Osman



DR KASSIM(berdiri lima dari kanan), **Jais** (empat dari kiri) dan **Abd Jalil** (empat dari kanan) bersama pemain UMS yang menyertai Kejohanan Badminton Masum 2012 di Unimas, Kuching, Sarawak.

bertindak sebagai ketua jurulatih dengan bantuan Abdul Jalil Sapli.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md. Mansur yang juga Penggerusi MASUM turut hadir memberikan sokongan

moral kepada pemain

UMS.

Jurulatih UMS, Jais Osman berbangga kerana UMS memiliki ramai pemain yang berkaliber yang mampu untuk mewakili Malaysia di peringkat universiti.

"Pemain UMS juga berpeluang mewakili Malaysia di Kejohanan Badminton

Universiti Asian di Laos pada Disember depan," katanya..

Beliauberharappemain UMS akan dihantar menyertai lebih banyak kejohanan di peringkat kebangsaan bagi memberi lebih banyak pendedahan dan pengalaman kepada mereka sekaligus membantu mengharumkan nama UMS.